

**KESAN ELEMEN MERENTAS KURIKULUM TERHADAP AMALAN  
PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH****[EFFECTS OF CROSS -CURRICULAR ELEMENTS ON THE TEACHING  
PRACTICES OF PRIMARY SCHOOL ISLAMIC EDUCATION TEACHERS]**NUR SHAHIDA SHAMSUL ALIAS<sup>1\*</sup> & MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Correspondent Email: nshahida691@gmail.com

---

*Received: 28 February 2022**Accepted: 9 March 2022**Published: 22 March 2022*

---

**Abstrak:** Kajian ini adalah berkenaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang terkandung dalam konsep kesepaduan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pendidikan Islam tidak terkecuali dalam mengadaptasikan elemen merentas kurikulum dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Individu yang seimbang daripada semua aspek terutamanya rohani dan intelektual menjadi fokus dalam penyediaan modal insan. Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berperanan penting dalam membina didikan asas pengetahuan dan kefahaman Pendidikan Islam. Kaedah dan teknik yang digunakan mestilah berorientasikan PAK-21 meliputi Elemen Merentas Kurikulum. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penerapan Elemen Merentas Kurikulum dalam amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan elemen merentas kurikulum dalam meningkatkan nilai profesionalisme keguruan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Seramai 50 orang Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di Daerah Keramat dan Sentul Kuala Lumpur menjadi responden terhadap soal selidik kajian ini. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, amalan pengajaran dan nilai profesionalisme memperoleh skor min yang tinggi. Disebabkan dapatan data mempunyai taburan tidak normal maka ujian kolerasi Spearman Rho digunakan dalam menguji hipotesis yang dicadangkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang kuat antara pengetahuan berkenaan Elemen Merentas Kurikulum, amalan pengajaran yang mewujudkan Elemen Merentas Kurikulum serta peningkatan nilai profesionalisme daripada aspek pemerkasaan Elemen Merentas Kurikulum oleh Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Dapatan hasil dianalisis melalui perisian IBM SPSS bagi memperoleh data deskriptif yang menyatakan bahawa nilai min bagi setiap aspek yang dikaji. Hasil kajian diharapkan dapat memberi idea kepada kajian-kajian berkenaan Elemen Merentas Kurikulum yang akan datang sama ada berkaitan impak terhadap guru, murid, sekolah dan jabatan pendidikan negeri.

**Kata kunci:** Elemen Merentas Kurikulum, Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam, PAK-21, Nilai Profesionalisme GPI, Nilai Profesionalisme EMK.

**Abstract:** This study is about the Cross Curricular Elements (CCE) contained in the concept of the integration of the Primary School Standard Curriculum (KSSR). Islamic education is no exception in adapting cross -curricular elements in the learning and teaching process. A balanced individual from all aspects especially spiritual and intellectual becomes the focus in the provision of human capital. Primary School Islamic Education teachers play an important role in building the basic knowledge and understanding of Islamic Education. The methods and techniques used must be PAK-21 oriented

covering Cross Curricular Elements. This study aims to identify the application of Cross Curricular Elements in the teaching practice of primary school Islamic Education teachers. This study also aims to see the extent to which the effectiveness of cross-curricular elements in enhancing the value of teacher professionalism of Primary School Islamic Education Teachers. A total of 50 Primary School Islamic Education Teachers who serve under the Ministry of Education Malaysia in Keramat and Sentul Districts of Kuala Lumpur were respondents to the questionnaire of this study. The results of the descriptive analysis showed that the level of knowledge, teaching practice and value of professionalism obtained a high mean score. Because the data findings have an abnormal distribution then the Spearman Rho correlation test was used in testing the proposed hypothesis. The findings show that there is a strong positive linear relationship between knowledge of Cross Curricular Elements, teaching practices that create Cross Curricular Elements as well as increasing the value of professionalism from the aspect of empowerment of Cross Curricular Elements by Primary School Islamic Education Teachers. The results were analyzed through IBM SPSS software to obtain descriptive data stating that the mean value for each aspect studied. The results of the study are expected to provide ideas for future studies on Cross Curricular Elements whether related to the impact on teachers, students, schools and state education departments.

**Keywords:** Cross Curricular Elements, Teaching Practices of Islamic Education Teachers, PAK-21, GPI Professionalism Values, EMK Professionalism Values.

**Cite This Article:**

Nur Shahida Shamsul Alias & Mohd Isa Hamzah. 2022 Kesan Elemen Merentas Kurikulum terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah [Effects of Cross-Curricular Elements on The Teaching Practices of Primary School Islamic Education Teachers]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 142-168.

## **PENDAHULUAN**

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) merupakan nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) abad ke-21. Penerapan EMK menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan bermakna. Melalui penerapan EMK, kemahiran dan keterampilan modal insan yang dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan dapat dikukuhkan dan dibentuk (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011). Bermula pada tahun 2017, bidang kurikulum dalam sistem pendidikan ditambah baik mengikut keperluan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR Semakan 2017). Pelaksanaan KSSR pula adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Melalui perubahan peredaran zaman, gaya pembelajaran dan pengajaran antara murid dan guru masa kini bukan proses pemindahan maklumat semata-mata. Justeru, EMK diterapkan dalam pdp bagi membolehkan murid mencapai tahap pencapaian penguasaan isi pembelajaran secara optimum (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Berdasarkan perkara tersebut, penerapan EMK seiring dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan modal insan yang seimbang daripada semua aspek. Selari dengan konteks, Falsafah Pendidikan Islam turut seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang meletakkan visi melahirkan modal

insan yang bertanggungjawab dalam menghayati nilai-nilai Islam secara syumul (Saharia Hj. Ismail, 2015).

Selain itu, bidang pendidikan juga tidak terkecuali dalam memacu langkah ke arah penyediaan modal insan Revolusi Perindustrian 4.0 (Abdul Hakim Abdullah, 2020). Daripada aspek perbincangan tajuk yang sama, GPI (Guru Pendidikan Islam) tidak terkecuali dalam usaha penguasaan kemahiran-kemahiran PAK-21. Langkah ini bagi memastikan keperluan gaya pembelajaran PAK-21 dalam bidang Pendidikan Islam dapat dipenuhi dan dilaksanakan. Menurut Normiati Batjo dan Abdul Said Ambotang (2019), kearifan profesional guru dalam pendidikan merupakan elemen utama dalam penerapan elemen-elemen PAK-21 dalam kalangan murid secara berkesan. Sehubungan itu, Guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan cara penyampaian isi pembelajaran secara kreatif kepada murid-murid di sekolah dalam amalan pengajaran (Mohd Nawawi, 2011). Di samping itu, Elemen Merentas Kurikulum (EMK) memerlukan Guru Pendidikan Islam untuk bersikap proaktif dan kreatif dalam mengadaptasi cara pengajaran tradisional dan juga terkini. Terdapat tiga kaedah pengajaran utama yang perlu diintegrasikan guru berdasarkan EMK yang terkandung dalam Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 iaitu pembelajaran koperatif, bilik darjah demokratik dan motivasi. Maka, guru bertanggungjawab untuk memastikan murid menggarap nilai-nilai pembelajaran kolaboratif. Hasilnya, sesi pengajaran dan pembelajaran bersistematik melalui strategi pendekatan bersesuaian akan mencipta lingkungan proses belajar yang meliputi ilmu-ilmu Islam dan konvensional secara holistik (Mumtazul Fikri, 2011).

Namun begitu, tahap kesediaan GPI dalam mengintegrasikan elemen merentas kurikulum dalam pdp masih di tahap sederhana (Maimun Aqsha Lubis et al., 2017). Hal ini disebabkan, kelemahan dalam penyampaian proses pembelajaran dan pengajaran berlaku apabila guru Pendidikan Islam tidak menerapkan unsur kreativiti (Taati, 2011). Perkara ini disokong Mohd Yusoff Dagang (2016) yang menyatakan bahawa tahap kreativiti secara amalan dan praktikal Guru Pendidikan Islam masih berada di tahap sederhana. Perkara ini boleh berlaku atas faktor kelemahan daripada segi kurang kefahaman dan pengalaman (Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat 2018; Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad 2017). Selain itu, faktor mengejar silibus juga menyebabkan berlaku kekangan dalam penerapan EMK secara optimum ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah, 2014). Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa penguasaan kefahaman guru dalam pelaksanaan elemen merentas kurikulum masih perlu diberi perhatian supaya dapat memenuhi keperluan pembelajaran Pendidikan Islam yang berorientasikan PAK-21.

Berdasarkan isu-isu tersebut, kajian ini dijalankan berfokus kepada mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman Guru Pendidikan Islam berkenaan elemen merentas kurikulum yang sepatutnya sudah dikuasai berikutan hasil latihan profesionalisme keguruan yang diterima secara formal berdasarkan sistem dan garis masa yang telah ditetapkan kementerian. Penambahbaikan dalam bidang kurikulum telah menyebabkan jenis dan bentuk latihan kemahiran pengajaran Guru Pendidikan Islam juga dipelbagaikan dan dilaksanakan mengikut keperluan dari masa ke masa oleh pihak yang berkenaan. Oleh itu, sewajarnya pengetahuan dan kefahaman tersebut dapat diaplikasikan dengan baik dan berkesan dalam memenuhi keperluan PAK-21 dalam amalan pengajaran guru. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan elemen merentas kurikulum dalam peningkatan amalan

pengajaran Guru Pendidikan Islam. Perkara ini bagi memperincikan penerapan elemen merentas kurikulum yang cenderung dipilih Guru Pendidikan Islam dalam rancangan pengajaran harian. Hal ini menjelaskan lagi mengenai persoalan kajian yang menfokuskan kepada sejauh mana tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam kearifan mengaplikasikan EMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, kajian ini dijalankan kerana melihat ianya seiring dengan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang mementingkan penerapan EMK dalam amalan pengajaran guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Kajian yang lebih terperinci berkenaan elemen merentas kurikulum terutamanya berkenaan impak dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam perlu dijalankan bagi mendukung usaha mendidik amalan pembelajaran berterusan dalam kehidupan murid. Hal ini disebabkan, elemen merentas kurikulum telah termaktub dalam penggubalan dan penulisan buku teks Pendidikan Islam hasil semakan terkini. Selain itu, kajian yang telah dijalankan cenderung berkenaan tahap nilai kreativiti guru secara umum atau khusus berkaitan amalan pengajaran dengan sesebuah elemen merentas kurikulum sahaja seperti amalan kreativiti GPI (Nur Adibah Liyana, 2021), penerapan nilai murni GPI (Siti Khadijah, 2021), elemen teknologi dalam pendekatan gamifikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan GPI (PdPc) (Mohd Fikruddin Mat Zin et al., 2021) dan pengintegrasian elemen alam sekitar dalam Pendidikan Islam (Abd Aziz Rekan et al., 2016).

Bagi menjawab soalan kajian, batasan kajian ini menfokuskan kepada Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah sahaja. Hal ini kerana, Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah memainkan peranan penting sebagai asas pengetahuan dan kefahaman kepada pembentukan diri murid sebagai insan yang beragama Islam. Hasil pendidikan yang diperoleh di peringkat awal seharusnya bertambah baik di peringkat seterusnya sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun di institut pengajian tinggi. Akhirnya, murid tersebut menjadi insan yang menghayati nilai Islam dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kaedah kuantitatif digunakan dalam melaksanakan kajian ini bagi memperoleh data yang bersifat objektif dan deskriptif. Selain itu, tujuan kajian ini dilakukan bagi mendalami sejauh mana GPI Sekolah Rendah memahami kepentingan EMK dalam Pendidikan Islam. Berikutan itu, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang berkaitan untuk membuat penilaian berkenaan keperluan peningkatan latihan profesionalisme keguruan daripada aspek penerapan elemen merentas kurikulum.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kurikulum Standard Sekolah sebelum tahun 2017 meletakkan enam elemen merentas kurikulum iaitu bahasa, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kelestarian alam sekitar, nilai murni dan patriotisme (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Selepas Semakan KSSR pada tahun 2017, empat lagi elemen telah ditambah iaitu kreativiti dan inovasi, keusahawanan, serta teknologi maklumat dan komunikasi. Bagi memudahkan guru, elemen merentas kurikulum diwujudkan dalam kandungan buku teks setelah semakan dijalankan (Ghazali Zainuddin, 2018). Penerapan elemen merentas kurikulum yang dilihat melalui cadangan-cadangan aktiviti dan latihan dalam buku teks yang dapat membantu GPI menghasilkan pengajaran Pendidikan Islam menjadi lebih efektif dan menarik.

## **Elemen Merentas Kurikulum dalam PdP**

Elemen merentas kurikulum terdiri daripada sepuluh elemen yang boleh disesuaikan mengikut topik dan kriteria kejayaan sesi pdp. Elemen pertama ialah elemen bahasa yang menitikberatkan penggunaan bahasa pengantar yang betul dan bersesuaian dalam semua mata pelajaran. Penggunaan bahasa yang betul oleh guru daripada segi struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa akan membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi dengan berkesan (Ibrahim Nazem Ghadi, Kamariah Abu Bakar, Nor Hayati Alwi & Othman Talib, 2013). Elemen ini penting dalam Pendidikan Islam bagi memudahkan murid untuk faham dan jelas isi kandungan yang dipelajari dengan mudah tanpa penggunaan laras bahasa yang terlalu tinggi dan sukar difahami (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005). Antara elemen merentas kurikulum yang terkandung dalam buku teks Pendidikan Islam adalah berkaitan dengan kelestarian alam sekitar. Perkara ini dilihat berkepentingan dalam menyampaikan kesedaran untuk generasi sekarang berkenaan Pendidikan Alam Sekitar sejak awal lagi (Noraziah Mohd Yusop & Latipah Sidek, 2010). Proses integrasi ilmu yang konsisten dan komited oleh guru akan menyedarkan murid-murid tentang perkembangan alam sekitar (Abd. Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff, 2016).

Elemen seterusnya ialah elemen nilai murni yang terdapat dalam semua mata pelajaran merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan (Mohamad Khairi Haji Othman, 2014). Elemen nilai murni diterapkan melalui keterampilan guru sebagai qudwah hasanah atau model ikutan murid-murid (Sapie Sabilan et al., 2018). pengintegrasian elemen sains dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran akan dapat membantu murid untuk menguasai literasi penggunaan teknologi secara langsung. Penggunaan teknologi dan penerapan elemen sains merangkumi aspek-aspek disiplin ilmu sains seperti kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu) serta sikap saintifik (ketepatan, kejujuran dan keselamatan) akan menjadikan pembelajaran Pendidikan Islam murid lebih cekap dan berkesan (Chanifudin, 2020). Pernyataan ini selari dengan dapatan Mohammad Syukor Mohammad Ghulam et al., (2019) dan Thulasimani Munohsamy (2014) yang menyatakan cadangan usaha mengintegrasikan sains kesihatan dalam Pendidikan Islam dilihat dapat memenuhi ciri-ciri pembelajaran merentas kurikulum. Elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) memberi ruang kepada GPI serta murid-murid untuk menambah ilmu pengetahuan yang bukan terikat dengan buku teks semata-mata (Noor Aini Ahmad, 2014). Bagi memastikan elemen merentas kurikulum Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam pengajaran Pendidikan Islam, GPI perlu menguasai asas literasi teknologi maklumat dan komunikasi yang sinonim dengan ciri-ciri PAK-21. Penggunaan teknologi dan penerapan elemen sains merangkumi aspek-aspek disiplin ilmu sains seperti kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu) serta sikap saintifik (ketepatan, kejujuran dan keselamatan) akan menjadikan pembelajaran Pendidikan Islam murid lebih cekap dan berkesan (Chanifudin, 2020).

## **Kaedah dan teknik pengajaran PAK-21 Pendidikan Islam**

Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) telah mendorong guru-guru untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif. Bidang Pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai

perubahan dan penambahbaikan dalam aspek pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran. Kaedah yang baik dan berkesan akan membantu murid memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap serta menanam minat dan nilai murni (Abdul Jamir, Ab. Halim, & A'dawiyah, 2012). Disebabkan Pendidikan Islam mempunyai tujuh bidang yang berbeza fokus dan isi kandungan, maka Guru Pendidikan Islam perlu menguasai pelbagai bentuk dan jenis kaedah serta teknik pengajaran yang menggunakan tahap kreativiti dan inovatif yang tinggi. Perkara ini selari dengan pendapat Razila Kasmin et al., (2019) yang mengatakan Guru Pendidikan Islam yang berkualiti mesti mempunyai kesungguhan menguasai pelbagai ilmu kemahiran dan kaedah pengajaran untuk mewujudkan suasana pengajaran yang seronok dan memberi motivasi kepada murid.

Pengajaran berpusatkan guru merupakan kaedah tipikal dalam abad ke-20 yang mula ada perubahan dari masa ke masa (Zakaria Abdullah, 2012). Dalam menyampaikan pembelajaran bidang Al-Quran, pendekatan berpusatkan guru dan kaedah talaqqi musyafahah menjadi pilihan dalam penyampaian guru di sekolah (Norhisham Muhamad & Azmil Hashim, 2019). Kaedah dan teknik ini tidak boleh dipisahkan kerana merupakan disiplin ilmu dalam bidang Al-Quran. Berikutan itu, antara pendekatan yang boleh disusulkan selepas peringkat bimbingan bersama guru adalah strategi berpusatkan murid, bahan dan aktiviti dalam PAK-21. Pendekatan dan strategi yang kreatif akan membantu murid-murid berpeluang dalam meningkatkan kemahiran dalam bidang Al-Quran secara masteri di samping memupuk ciri-ciri kepimpinan (Mohd Nahi Abdullah, 2018).

Antara kaedah PAK-21 yang popular digunakan dalam bidang Pendidikan Islam termasuklah penggunaan peta i-Think untuk membantu kemahiran berfikir murid untuk menjadi lebih kreatif dan aktif semasa pdp berlangsung (Nor Saidah & Mohd Aderi, 2016). Oleh itu, guru perlu mempunyai kemahiran berfikir dan daya pemikiran kreatif agar dapat menjadi contoh dan inspirasi kepada murid ketika belajar (Mohd Yusoff Dagang, 2016). Kandungan isi pembelajaran Pendidikan Islam banyak melibatkan fakta dan kenyataan yang perlu diingat yang menjadikan teknik pemetaan pemikiran secara kreatif dan kritis diguna pakai untuk membantu meningkatkan kefahaman.

Bagi bidang Sirah, teknik dan kaedah pembelajaran yang bersesuaian untuk digunakan adalah teknik bercerita. Teknik bercerita dapat memberi kesan yang positif kepada murid jika guru dapat sampaikan isi kandungan pembelajaran dengan menarik dan strategik (Syahraini Tambak, 2016). Antara teknik bercerita berorientasikan PAK-21 yang telah dilakukan kajian oleh sarjana mutakhir termasuklah kajian eksperimental teknik scaffolding (Norzaharah, 2011), peta konsep (Noraziah, 2012). Teknik-teknik bercerita yang telah dijalankan mendapati pencapaian murid meningkat dari segi prestasi, sikap, motivasi dan minat terhadap Sirah dan tamadun Islam. Perkara ini seiring dengan pendapat Syahraini Tambak (2016) yang menyatakan teknik bercerita mampu mengaktifkan dan membangkitkan semangat murid untuk belajar Sirah dan menjadi lebih fokus.

Kaedah bercerita juga mampu membangkitkan motivasi dalam pembelajaran bidang Akidah (Rabiatul Adawiah & Ahmad Tamizi bin Abu, 2017). Berdasarkan model pelaksanaan kaedah bercerita Chen dan Seedhouse (2010), terdapat dua peringkat iaitu peringkat kesediaan dan pelaksanaan seterusnya susulan. Pada peringkat kesediaan dan pelaksanaan, guru memilih gaya bercerita dan penyampaian laras bahasa dan intonasi suara yang tepat. Guru juga menentukan penggunaan bahan dan tahap penglibatan murid ketika aktiviti dijalankan. Semua

perkara tersebut dititikberatkan agar sesi bercerita dapat menarik perhatian murid dan nilai cerita boleh dihayati berdasarkan rumusan bersama guru. Pada peringkat susulan pula murid diberi peluang untuk menceritakan semula dalam sesi pembentangan atau kuiz. Oleh itu, guru-guru perlu menguasai kemahiran bercerita yang baik supaya penerangan isi pembelajaran akan lebih efektif dan menarik perhatian murid.

Pembelajaran berdasarkan projek atau masalah merupakan kaedah pembelajaran abad ke-21 melibatkan pelbagai kemahiran pembelajaran yang akan memberi kepuasan kepada murid-murid yang melibatkan diri. Kaedah berasaskan projek ditakrifkan sebagai kaedah pembelajaran yang mengandungi soalan bermakna dan dekat dengan kehidupan sebenar murid (Maria Anita, 2015). Pembelajaran berasaskan projek juga melibatkan penghasilan produk atau artifak di akhir projek, pengintegrasian kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi yang dilaksanakan secara individu atau kumpulan (Nitce Isa Medina & Mai Shihah, 2013). Menurut Bartscher, Gould, dan Nutter (1995), kaedah pembelajaran berasaskan projek ini memberi kesan positif dalam motivasi murid, sikap dalam pembelajaran dan membina pemikiran kreatif dan kritis. Dengan memberi arahan yang kompleks akan mendorong murid untuk berfikir aras tinggi untuk mencapai objektif projek. Sebagai contoh, pelaksanaan projek oleh murid secara hands-on dan minds-on serta menjalankan sedikit kajian terhadap topik yang dipelajari (Zahiah & Mustapha Kamal, 2011).

Menurut Zahiah & Mustapha Kamal (2011) bidang Adab dan Ibadah melibatkan kaedah penerangan, perbincangan, simulasi, demonstrasi, forum, kajian masa hadapan, pengajaran kontekstual, refleksi dan aktiviti kumpulan. Dalam aktiviti berkumpulan, kaedah pembelajaran berasaskan projek merupakan kaedah yang sesuai dalam membantu perkembangan emosi, sosial dan kognitif murid di samping penerapan nilai murni yang berlaku ketika projek dijalankan. Murid perlu menguasai standard pembelajaran melalui keupayaan merumus isi kandungan untuk diaplikasikan secara amali dan amalan dalam kehidupan seharian. Dengan menggunakan kaedah berasaskan projek ini, murid dapat menghayati isi pembelajaran secara praktikal dan analitikal melalui bimbingan guru (Nor Izzati Mohd Nor, 2019).

Kesimpulannya, kaedah PAK-21 Pendidikan Islam haruslah berteraskan pembelajaran aktif yang melibatkan pelbagai komponen kemahiran pengajaran GPI dalam menghasilkan sesi pengajaran dan pembelajaran kepada murid. Perubahan trend pendidikan pada masa kini menunjukkan pengajaran berpusatkan guru beralih kepada berpusatkan murid (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff, 2014). Pembelajaran berpusatkan murid telah diterima pakai secara meluas dalam meningkatkan kualiti pendidikan pada masa kini (Md Fadzil Masri & Zamri Mahamod, 2020). Oleh itu, GPI perlu belajar dan terus berlatih kemahiran-kemahiran pengajaran PAK-21 agar dapat menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang membantu murid untuk mengenali potensi dalam proses kemenjadian diri sebagai individu Islam.

### **Nilai Profesionalisme Guru Pendidikan Islam**

Menurut Barber dan Mourshed (2007) dalam buku *'How the World's Best Performing Systems Come Out on Top'* menerangkan bahawa sehebat mana kualiti sistem pendidikan sesebuah negara tersebut masih tidak mendatangkan sebarang impak jika guru tidak dibekalkan dengan

nilai komited dan kompeten terlebih (Anjakan Bil. 5/2015 PPPM 2013-2025). Chiew et al (2016), berpendapat bahawa kualiti guru tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan profesional guru (Mohd Aizat Abu Hassan 2019; Zainah Asmawi 2021). Berikutan itu, guru merupakan pelaksana dalam bidang profesion pendidikan yang berkebolehan untuk mengorganisasikan pendidikan terbaik kepada murid (Osman, Sarudin, Janan & Omar 2019). Kemahiran pengajaran yang menerapkan elemen merentas kurikulum menuntut Guru Pendidikan Islam menaik taraf kemahiran yang sealiran dengan keperluan zaman teknologi. Menurut Maimun et al., (2017), penguasaan asas ilmu teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru-guru Pendidikan Islam berada di tahap yang sangat baik. Oleh itu, kajian bagi mengenal pasti sejauh mana elemen merentas kurikulum ini mempengaruhi amalan pengajaran guru perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti Pendidikan Islam di peringkat sekolah.

Menurut Lovorn (2017), tempoh perkhidmatan dan pengalaman sepanjang perkhidmatan mempengaruhi keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan. Berdasarkan teori Peringkat Perkembangan Guru (Trotter, 1986), peringkat perkembangan guru ini adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan seiring dengan peningkatan nilai profesionalisme sendiri dan perkhidmatan mencakupi pelbagai aspek seperti pengetahuan, kemahiran kognitif, pengalaman pengurusan bilik darjah, kefahaman prinsip dan konsep situasi berbeza serta keupayaan menjadi pembimbing atau dibimbing. Hal ini disebabkan, perbezaan yang wujud antara guru lanjutan novis dengan guru yang lebih berpengalaman dalam pengurusan kawalan kelas dan situasi di sekolah (John Hattie, 2003). Guru lanjutan novis masih memerlukan bimbingan daripada guru senior dan pihak pentadbir yang lebih berpengalaman seperti yang termaktub dalam Pelaksanaan Panduan Pembangunan Guru Baharu (PPPG) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Latihan profesional yang diterima guru mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran dan kualiti amalan pengajaran (M.Kaviza, 2018). Kesimpulannya, kemahiran penerapan EMK dalam amalan pengajaran GPI memerlukan kefahaman yang jelas berdasarkan pengetahuan yang diperolehi melalui latihan profesional yang diterima.

## **METODOLOGI**

### **Reka bentuk kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif secara deskriptif dan berdasarkan kaedah tinjauan (*survey*). Kajian tinjauan dikategorikan sebagai salah satu jenis kajian dalam penyelidikan deskriptif (Mohd Majid Konting, 1998). Kaedah kajian yang dipilih adalah bagi mengenal pasti secara sistematik berkenaan penerapan elemen merentas kurikulum dalam amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Kaedah kuantitatif melalui soal selidik dipilih sebagai reka bentuk kajian ini kerana sampel yang akan dipilih adalah secara rawak berdasarkan kelompok yang memenuhi kriteria responden yang diperlukan.

### **Populasi sampel**

Populasi kajian ini adalah merupakan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Kuala Lumpur yang terdiri daripada 369 orang yang meliputi empat daerah termasuklah Keramat, Pudu,



Bangsar dan Sentul (JPWPKL, 2021). Seramai 50 orang Guru Pendidikan Islam daripada daerah Keramat dan Sentul sahaja yang dipilih untuk menjadi responden kajian yang dijalankan. Pemilihan bilangan sampel ini berdasarkan Roscoe (1975) yang berpendapat bahawa jumlah sampel di antara 30 hingga 500 orang adalah bersesuaian dalam sesuatu kajian terutamanya kajian kuantitatif.

### Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah secara soal selidik. Kaedah soal selidik ialah cara yang berkesan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden yang ramai (Mohd Nasrudin Basar, 2004). Berikutan itu, soal selidik kajian ini dibina terdiri daripada empat bahagian.

Jadual 1. Bilangan item soal selidik

Bahagian		Bilangan item
I	Demografi responden (Jantina, Pengalaman Berkhidmat, Kelayakan Akademik)	3 bahagian
II	Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Mengenai Elemen Merentas Kurikulum	10
II	Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Mewujudkan Elemen Merentas Kurikulum Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	12
IV	Nilai Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Daripada Aspek Penerapan Emk Dalam Amalan Pengajaran	8

Pembinaan item diubah suai daripada item Mohammad Azri Amatan dan Crispina Gregory K Han (2020) bagi demografi responden Bagi item-item berdasarkan pemboleh ubah pula, pembinaan item adalah diadaptasi daripada Ummu Salma Mohiddin (2017) bagi konstruk pengetahuan, YM Raja Abdullah Raja Ismail (2018) bagi konstruk amalan pengajaran dan Mohd Aizat Abu Hassan dan Kamarudin Musa (2020) untuk konstruk nilai profesionalisme mengikut keperluan kajian ini. Bagi memudahkan pihak responden menjawab, item-item dibahagi kepada kategori skop kajian pengetahuan, amalan pengajaran dan refleksi berkenaan nilai profesionalisme dalam amalan pengajaran berfokus pada EMK. Kebolehpercayaan soal selidik telah diperolehi melalui kajian rintis dan telah mendapat kesahan daripada panel pakar. Berdasarkan hasil nilai ujian Alpha Cronbach item soal selidik memperoleh nilai pekali 0.97. Perkara ini menunjukkan bahawa item soal selidik diterima dan boleh digunakan dalam pelaksanaan kajian (Chua, 2020).

## Proses pengumpulan dan analisis data

Bagi mengukur jumlah respon yang diberikan responden terhadap setiap item, kaedah Skala Likert yang diguna pakai mengikut kesesuaian item dan tujuan kajian iaitu 1) Sangat tidak setuju 2) Tidak setuju 3) Kurang setuju 4) Setuju 5) Sangat setuju. Bagi menganalisis hubungan pengetahuan EMK dalam amalan pengajaran GPI serta mengenal pasti hubungan terhadap peningkatan nilai profesionalisme, analisis skor min melalui ujian kolerasi digunakan manakala analisis skor peratus digunakan untuk maklumat demografi responden. Data yang diperoleh daripada responden dianalisis secara deskriptif melalui aplikasi IBM SPSS yang merupakan satu perisian penganalisan data yang efisien, canggih dan mudah untuk digunakan (Ananda, 2007). Kajian seperti ini sesuai menggunakan ujian statistik berparameter iaitu Ujian-t (Fraenkel & Wallen, 2007). Bagi interpretasi skor min diadaptasi daripada jadual interpretasi skor Tschannen Moran, M. dan Gareis, C.R. (2004).

Jadual 2. Interpretasi Min Skala Lima Likert Tschannen Moran, M. dan Gareis, C.R. (2004).

Nilai Min Interpretasi
1.00 – 1.80 Sangat Rendah
1.81 – 2.60 Rendah
2.61 – 3.40 Sederhana
3.41 – 4.20 Tinggi

Selain itu, ujian kolerasi pekali *Spearman's Rho* digunakan bagi menguji hipotesis kajian kerana nilai signifikan ujian normaliti bagi skor min setiap konstruk soal selidik adalah kurang daripada  $p < 0.05$  (Chua, 2014). Oleh itu, ujian kolerasi Spearman's Rho dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kolerasi antara data non-parameter iaitu antara pengetahuan EMK dan kesan terhadap amalan pengajaran GPI. Interpretasi skor kolerasi adalah berdasarkan jadual interpretasi nilai kolerasi Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014).

Jadual 3 . Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014).

Saiz kolerasi (r)	Interpretasi umum
1.00	sempurna
0.80 – 0.99	sangat kuat
0.60-0.79	kuat
0.40-0.59	sederhana
0.20-0.39	lemah
0.01-0.19	sangat lemah
0.0	tiada hubungan

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membentangkan dua bahagian hasil dapatan iaitu demografi responden dan dapatan pemboleh ubah kajian.

### Demografi responden

Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan demografi responden terdiri daripada 14 orang guru lelaki (28%) dan 36 orang guru perempuan (72%) Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Keseimbangan dalam jumlah kekerapan responden antara jantina agak sukar untuk dicapai walaupun dalam kelompok kecil berikutan jumlah guru lelaki adalah lebih sedikit berbanding guru perempuan. Berdasarkan statistik Sektor Pendidikan Islam JPWPKL tahun 2020, jumlah guru lelaki Sekolah Rendah JPWPKL adalah seramai 1885 orang berbanding guru perempuan yang berjumlah 4561 orang. Daripada perangkaan ini, gambaran umum boleh dikatakan bahawa jumlah tidak seimbang daripada segi jantina responden kajian ini adalah berdasarkan statistik semasa.

Jadual 4. Jumlah responden berdasarkan jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	14	28%
Perempuan	36	72%
Jumlah	50	100%

Dapatan kajian juga mendapati semua responden (100%) mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Guru Pendidikan Islam yang telah menjadi responden menunjukkan bahawa mereka adalah lulusan kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kelayakan akademik membawa maksud kepada usaha individu dalam memperoleh pendidikan pada tahap yang lebih tinggi daripada keperluan asas untuk menjadi seorang (CRIRES, 2005). Semua guru telah disyaratkan sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang masing-masing sebagai kelayakan asas untuk menjadi guru sejak tahun 2010 (KPM B, 2012). Seiring dengan itu, pelbagai galakan diberi Kementerian Pendidikan kepada guru-guru untuk meningkatkan kelayakan akademik hingga ke peringkat Ijazah Kedoktoran Falsafah (KPM B. 2012).

Jadual 5. Peratusan jumlah kelayakan akademik responden

Kelayakan akademik	Kekerapan	Peratusan
Diploma	-	-
Ijazah Sarjana Muda	50	100%
Ijazah Sarjana	-	-

Seterusnya, responden adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur berdasarkan pengalaman berkhidmat yang dinyatakan. Seramai 14% (7 orang) merupakan guru lanjutan

novis yang berkhidmat kurang daripada dua tahun di sekolah. 32% orang daripada jumlah responden yang terdiri daripada 16 orang merupakan GPI yang berada dalam peringkat guru lanjutan novis yang mula meningkat ke arah peringkat guru cekap memiliki pengalaman mengajar selama 2-5 tahun. Seterusnya, bilangan responden dalam peringkat guru mahir adalah 26% (13 orang) yang telah mengajar selama 6-10 tahun. Akhir sekali, 28% (14 orang) merupakan guru mahir juga yang telah berkhidmat lebih 10 tahun. Kajian ini terbuka kepada semua peringkat umur GPI merujuk kepada tempoh perkhidmatan.

Jadual 6. Demografi responden berdasarkan tempoh perkhidmatan

Tempoh perkhidmatan	Kekerapan	Peratusan
0-2 tahun	7	14%
2-5 tahun	16	32%
6-10 tahun	13	26%
10 tahun ke atas	14	28%

### Dapatan Soal Selidik

Jadual 7. Dapatan Min Konstruk Soal Selidik

	Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan GPI berkenaan EMK	4.18	0.53
Amalan Pengajaran EMK	4.31	0.44
Nilai Profesionalisme terhadap EMK	4.29	0.54

Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Berkenaan Elemen Merentas Kurikulum Dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Jadual 8. Dapatan Item Konstruk Pengetahuan

Bil	Item	Min	S.P	Interpretasi	Persepsi
P1	perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran	4.42	0.57	Tinggi	Positif
P2	terdiri daripada sepuluh elemen	3.96	0.73	Tinggi	Positif
P3	terkandung dalam buku teks	4.20	0.73	Tinggi	Positif
P4	telah diberi pendedahan dalam latihan profesional yang dianjurkan KPM	4.08	0.75	Tinggi	Positif
P5	perlu menggunakan kaedah penerapan yang sesuai	4.20	0.45	Tinggi	Positif
P6	berbeza daripada elemen penggabungan dan penyerapan ilmu	3.86	0.86	Tinggi	Positif

P7	sebagai ciri utama dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	4.06	0.74	Tinggi	Positif
P8	membantu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menjadi lebih menarik	4.28	0.73	Tinggi	Positif
P9	membantu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menjadi lebih berkesan	4.26	0.70	Tinggi	Positif
P10	nilai tambah dalam pdp	4.52	0.54	Tinggi	Positif
	Min Keseluruhan	4.18	0.53	Tinggi	Positif

Jadual 7 menunjukkan bahawa min konstruk pengetahuan Guru Pendidikan Islam berkenaan Elemen Merentas Kurikulum berada di tahap yang tinggi (min=4.18, sisihan piawai=0.53) berdasarkan jadual interpretasi skor min (jadual 2). Dapatan ini menjelaskan bahawa pengetahuan berkenaan EMK telah diperoleh Guru Pendidikan Islam secara menyeluruh. GPI telah memperoleh pengetahuan EMK melalui pelbagai saluran termasuklah melalui kursus persediaan dalam sesi latihan, kursus profesionalisme dan sebagainya (Wardyawaty Rajikal, 2020). Berdasarkan analisis taburan perspesi konstruk pengetahuan Guru Pendidikan Islam berkenaan EMK, skor yang banyak dipilih adalah 4 dan 5. Perkara ini menunjukkan bahawa pilihan skor nilai keseluruhan item cenderung kepada setuju dan sangat setuju. Namun begitu, berdasarkan Jadual 8 terdapat item yang mempunyai skor min yang rendah (min=3.86, sisihan piawai=0.86) berbanding dengan skor min item-item yang lain yang memiliki skor min yang lebih tinggi (min= >4.10) iaitu item EMK adalah berbeza dengan kaedah penggabungjalinan dan penyerapan ilmu. Terdapat responden memilih skor 1 dan 2 yang berpendapat bahawa tidak terdapat perbezaan antara EMK dengan kaedah penggabungjalinan dan penyerapan ilmu. Walaubagaimanapun, dapatan ini tidak menjejaskan nilai skor min konstruk tersebut yang masih berada di tahap tinggi.

### **Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Untuk Mewujudkan Elemen Merentas Kurikulum Dalam Proses Pembelajaran Dan Pengajaran**

Jadual 9. Dapatan Item Konstruk Amalan Pengajaran

Bil	Item	Min	S.P	Interpretasi	Persepsi
A1	penggunaan bahasa pengantar yang bersesuaian	4.38	0.53	Tinggi	Positif
A2	melibatkan unsur kelestarian alam sekitar. Sebagai contoh: kitar semula barang untuk bahan projek	4.10	0.65	Tinggi	Positif
A3	integrasikan elemen sains dan teknologi dalam kandungan pembelajaran dan pengajaran	4.24	0.56	Tinggi	Positif
A4	memastikan terdapat satu aktiviti kreatif dijalankan	4.28	0.57	Tinggi	Positif
A5	menggunakan kemahiran TMK dalam bahan bantu mengajar	4.28	0.60	Tinggi	Positif

A6	menerapkan nilai keusahawanan	4.10	0.68	Tinggi	Positif
A7	menerapkan nilai murni	4.60	0.53	Tinggi	Positif
A8	mengaitkan isi pembelajaran dengan isu semasa	4.46	0.54	Tinggi	Positif
A9	menggunakan komponen 4K (Kreativiti, Kritis, Komunikasi, Kolaboratif)	4.44	0.58	Tinggi	Positif
A10	mengaplikasikan pendekatan pembelajaran secara aktif	4.30	0.54	Tinggi	Positif
A11	melaksanakan pembelajaran berasaskan projek	4.14	0.70	Tinggi	Positif
A12	membantu murid untuk mencapai tahap penguasaan tertinggi iaitu penghayatan dalam kehidupan.	4.38	0.57	Tinggi	Positif
	Min Keseluruhan	4.31	0.44	Tinggi	Positif

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi, skor min konstruk amalan pengajaran GPI untuk mewujudkan EMK dalam PdP berada di tahap tinggi (min=4.31, sisihan piawai=0.44). Sejauh mana amalan pengajaran GPI untuk mewujudkan EMK dalam PdP dapat dikenal pasti melalui analisis taburan deskriptif yang diperolehi. Dapatan menunjukkan bahawa skor nilai bermula daripada nilai 3 dipilih oleh sepuluh orang responden terhadap beberapa penerapan EMK dalam amalan pengajaran. Manakala, nilai 4 dan 5 adalah bersifat majoriti bagi setiap item konstruk yang dinyatakan. Elemen nilai murni menjadi penerapan EMK yang dominan (min=4.60, sisihan piawai= 0.53) dalam amalan pengajaran GPI berbanding sepuluh item amalan pengajaran EMK yang lain. Dapat dilihat bahawa elemen ini lebih mudah untuk diterapkan kerana tidak memerlukan sebarang keperluan bahan bantu mengajar yang khusus di samping sifat elemen yang sinonim dengan Pendidikan Islam serta ketrampilan melalui qudwah hasanah GPI itu sendiri (Siti Khadijah, 2021).

Berdasarkan Jadual 9, berbanding dengan amalan pengajaran pembelajaran berasaskan projek (min=4.14, sisihan piawai=0.7001), penerapan EMK dalam amalan pengajaran ini memperoleh skor min yang lebih rendah namun masih berada di tahap tinggi dalam konstruk yang sama. Kesimpulannya, amalan pengajaran yang mewujudkan kesemua elemen merentas kurikulum dilaksanakan dengan baik namun boleh jadi berbeza pada kecenderungan dan kesesuaian pelaksanaan strategi dalam amalan pengajaran berdasarkan gaya pembelajaran murid agar isi pembelajaran yang disampaikan adalah benar-benar berkesan dan mudah dikuasai (Coffield et al., 2004). Dapatan ini juga selari dengan kajian Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari dan Norazimah Zakaria (2020) yang menyatakan Guru Pendidikan Islam tidak mengalami kesukaran dalam amalan pengajaran sebegini kerana mempunyai tahap kesediaan yang tinggi daripada segi pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan PAK-21 yang merangkumi semua aspek termasuklah penerapan EMK.

## Nilai Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Daripada Aspek Penerapan EMK Dalam Amalan Pengajaran

Jadual 10. Dapatan Item Konstruk Nilai Profesionalisme

Bil	Item	Min	S.P	Interpretasi	Persepsi
N1	sentiasa merancang aktiviti berasaskan konsep kesepaduan	4.12	0.75	Tinggi	Positif
N2	memastikan strategi berpusatkan murid diutamakan	4.46	0.54	Tinggi	Positif
N3	menambah pengetahuan berkaitan kemahiran-kemahiran PAK-21	4.46	0.50	Tinggi	Positif
N4	aktif dalam kegiatan pembangunan idea inovatif pdp	4.04	0.83	Tinggi	Positif
N5	peka dengan isu semasa berkaitan Pendidikan Islam	4.36	0.60	Tinggi	Positif
N6	melibatkan diri dalam kegiatan pembelajaran selain bidang Pendidikan Islam	4.18	0.72	Tinggi	Positif
N7	mempertingkatkan nilai profesionalisme seiring tempoh perkhidmatan	4.20	0.73	Tinggi	Positif
N8	memperkuhkan nilai konsep 5M(Muallim, Mudarris, Muadib, Mursyid, Murabbi)	4.48	0.54	Tinggi	Positif
	Min Keseluruhan	4.29	0.54	Tinggi	Positif

Seterusnya, konstruk nilai profesionalisme guru daripada aspek penerapan EMK dalam amalan pengajaran mempunyai skor min yang tinggi (min=4.29, sisihan piawai=0.54). Seperti konstruk soal selidik di bahagian 2 (pengetahuan) dan 3(amalan pengajaran), skor 4 dan 5 juga menjadi pilihan skor dominan dalam konstruk ini. Dapatan konstruk nilai profesionalisme daripada aspek penerapan EMK dalam amalan pengajaran GPI didapati adalah positif. Peningkatan nilai profesionalisme adalah penting bagi memastikan kualiti amalan pengajaran dan pembelajaran adalah bergerak seiring dengan pembentukan kemenjadian murid. Nilai profesionalisme terhadap penerapan EMK adalah seiring dengan Standard 4 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) yang perlu dicapai GPI. Standard 4 menekankan peranan guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif dalam pembelajaran dan pengajaran yang efektif.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sembilan responden yang tidak dan kurang aktif dalam kegiatan pembangunan idea inovatif PdP (17%). Berdasarkan Jadual 10, item aktif dalam kegiatan pembangunan idea inovatif pdp memperoleh skor yang paling rendah dalam konstruk ini (min=4.040, sisihan piawai=0.8320) tetapi masih berada dalam tahap interpretasi skor yang tinggi kerana 83% responden setuju dan sangat setuju dengan item tersebut. Perkara ini menunjukkan majoriti GPI sedar tentang keberkesanan penglibatan dalam kegiatan pembangunan idea inovatif untuk meningkatkan nilai profesionalisme daripada aspek penerapan EMK dalam amalan pengajaran. Dapatan ini seiring dengan kajian yang telah dilaksanakan Muhammad Kristiawan dan Nur Rahmat (2018) yang menyatakan bahawa nilai

profesionalisme guru boleh ditingkatkan melalui penglibatan diri dalam aktiviti inovasi pembelajaran sama ada sebagai pelaksana, pembimbing mahupun penyumbang idea dalam bidang kepakaran masing-masing.

### **Hubungan Antara Pengetahuan GPI Berkenaan EMK dan Nilai Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Daripada Aspek Penerapan EMK Dalam Amalan Pengajaran**

Bagi menguji hipotesis kajian ini, ujian kolerasi Spearman Rho telah dilakukan dan hasil dapatan dinyatakan seperti dalam Jadual 8. Hipotesis yang hendak diuji adalah seperti berikut:

- Ho: Tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam berkenaan elemen merentas kurikulum dengan peningkatan kualiti nilai profesionalisme melalui amalan pengajaran.
- H1: Terdapat hubungan antara tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam berkenaan elemen merentas kurikulum dengan peningkatan kualiti nilai profesionalisme melalui amalan pengajaran.

Jadual 8. Nilai Kolerasi Antara Pemboleh Ubah

		1	2
1 Pengetahuan GPI berkenaan EMK	<i>Spearman Correlation Sig.(one-tailed)</i>		
2 Amalan Pengajaran EMK	<i>Spearman Correlation Sig.(one-tailed)</i>	.669** .000	
3 Nilai Profesionalisme GPI daripada aspek EMK	<i>Spearman Correlation Sig.(one-tailed)</i>	.839** .000	.684** .000

Kolerasi Pengetahuan & Nilai Profesionalisme melalui Kualiti Amalan Pengajaran EMK

Dapatan kajian antara pengetahuan berkenaan EMK dan penerapan dalam amalan pengajaran menunjukkan hubungan linear positif yang kuat dan signifikan ( $r(48) = 0.669$ ,  $p=0.000$ ). Nilai signifikan adalah kurang daripada  $p<0.05$  yang menyebabkan ( $H_1$ ) diterima. Kesimpulan yang dapat dinyatakan adalah terdapat hubungan antara peningkatan pengetahuan GPI berkenaan EMK dan kepelbagaian penguasaan teknik dan kemahiran pengajaran yang melibatkan EMK dalam amalan pengajaran GPI. Dalam kata lain, semakin bertambah pengetahuan GPI mengenai EMK, semakin cekap GPI menggunakan pelbagai kemahiran EMK dalam amalan pengajaran. Tambahan itu, dapatan juga menunjukkan bahawa hubungan linear yang sangat kuat dan signifikan antara pengetahuan EMK dalam PdP dengan nilai profesionalisme GPI melalui amalan pengajaran daripada aspek penerapan EMK ( $r(48) = 0.839$ ,  $p=0.000$ ). Nilai signifikan hubungan linear ini adalah kurang daripada  $p<0.05$  yang



menyebabkan ( $H_0$ ) ditolak dan ( $H_1$ ) diterima. Perkara ini mengukuhkan lagi dapatan bahawa pengetahuan EMK yang diperoleh GPI dalam pelaksanaan PAK-21 dalam PdP memberi kesan yang positif terhadap nilai profesionalisme daripada aspek penerapan EMK melalui peningkatan kualiti amalan pengajaran. Justeru, boleh dikatakan bahawa semakin bertambah usaha GPI melalui pengetahuan untuk menerapkan EMK dalam amalan pengajaran dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik maka perkara tersebut akan menyebabkan nilai profesionalisme GPI juga turut meningkat dalam memperkasakan keberkesanan PAK-21 dalam PdP.

## **PERBINCANGAN**

### **Pengetahuan Elemen Merentas Kurikulum**

Elemen merentas kurikulum (EMK) merupakan salah satu kandungan daripada konsep kesepaduan. Antara kandungan yang lain termasuklah penggabungjalinan dalam satu mata pelajaran, penggabungjalinan kemahiran antara mata pelajaran, penyerapan pelbagai ilmu, penyerapan nilai dan kesepaduan antara kurikulum dan kokurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia C, 2017). Berikutan itu, Guru Pendidikan Islam perlu tahu dan memahami perbezaan di antara kandungan-kandungan konsep kesepaduan terutamanya elemen merentas kurikulum dan penggabungjalinan. Elemen merentas kurikulum merupakan nilai tambah yang dimasukkan dalam pengajaran dan pembelajaran selain standard kandungan yang ditetapkan (KPM C, 2017). Manakala, penggabungjalinan pula adalah strategi yang melibatkan kemahiran, bahan dan aktiviti (Kamarudin Haji Husin, 1990). Kedua-duanya adalah saling berkaitan daripada segi pengetahuan serta pelaksanaan yang menjadi tunjang dalam pelaksanaan pdp PAK-21 yang berkualiti.

Guru Pendidikan Islam perlu memahami konteks elemen merentas kurikulum yang memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan kualiti amalan pengajaran Pendidikan Islam agar seiring dengan kehendak PAK-21. Keperluan pengetahuan dan kefahaman mengenai elemen merentas kurikulum ini adalah sebagai nilai tambah kepada para guru untuk mewujudkan perancangan sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersifat global, terbuka dengan pelbagai isu semasa serta melibatkan kemahiran-kemahiran asas Revolusi Perindustrian 4.0. Tidak dinafikan perincian pelaksanaan kurikulum kini adalah banyak yang perlu diperhatikan yang menyebabkan kekeliruan boleh berlaku. Guru Pendidikan Islam perlu menjadi lebih proaktif dalam mendapatkan informasi berkenaan EMK agar PdP dijalankan selari dengan keperluan murid. Pendapat ini selari dengan kajian Ahmad Munawar Ismail dan Kamal Radiman (2015) dan Ab. Halim Tamuri et al., (2012) yang menyatakan bahawa Guru Pendidikan Islam perlu mengetahui elemen-elemen merentas kurikulum secara keseluruhan agar Pendidikan Islam diajar bukan hanya berfokus pada penguasaan bidang fardhu ain semata-mata.

### **Amalan Pengajaran EMK Pendidikan Islam**

Amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam tidak boleh terhad kepada satu-satu teknik dan kaedah sahaja. Guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik dalam

menerapkan EMK dalam amalan pengajaran. Perkara ini seiring dengan kualiti guru PAK-21 yang kompeten dalam memberi pendidikan yang berkualiti. Setiap elemen adalah berbeza dan diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam mengikut fokus dan objektif pembelajaran. Perkara ini disokong oleh Mohd Musnizam et al., (2012) yang berpendapat bahawa guru seharusnya menguasai kemahiran dan ilmu-ilmu yang berkaitan kaedah pengajaran. Daripada aspek EMK, elemen penerapan nilai murni ini dilihat mudah untuk para Guru Pendidikan Islam terapkan dalam amalan pengajaran. Penerapan ini sama ada berasaskan penerangan guru, aktiviti PdP mahupun *qudwah hasanah* yang ditonjolkan Guru Pendidikan Islam itu sendiri.

Elemen ini sinonim dengan Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan pendidikan yang berasaskan Al-Quran dan Sunnah yang meliputi semua aspek termasuklah ilmu fardhu ain, fardhu kifayah, aqidah serta akhlak. Tambahan itu, bidang Adab yang terkandung dalam standard kandungan pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah boleh menjadi saluran khusus untuk menfokuskan kepada penerangan dan penerapan akhlak yang perlu dipelajari, diketahui dan diamalkan oleh murid. Pendapat ini adalah seiring dengan Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid (2010), Sofiah Mohamed, Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi dan Muhammad Azhar Zailaini (2016), Siti Khadijah dan Mohd Isa Hamzah (2021) menyatakan elemen penerapan nilai murni ini bermula daripada Guru Pendidikan Islam yang perlu menampilkan contoh dan peribadi sebagai seorang yang berakhlak agar dapat dicontohi oleh murid-murid. Sekaligus ini akan memberi kesan positif kepada perkara-perkara yang lain seperti pengurusan diri, kualiti amalan pengajaran serta impak terhadap murid dan kelas.

Selain daripada itu, antara amalan pengajaran yang menerapkan EMK yang perlu diperkasakan Guru Pendidikan Islam adalah pembelajaran berasaskan projek. Hal ini kerana pembelajaran berasaskan projek memberi kesan yang positif kepada amalan pengajaran serta mampu menarik minat dan fokus murid-murid. Pendapat ini selari dengan Nor Izzati Mohd Nor (2019), Mohd Aderi Che Noh dan Sri Andayani Mahdi Yusuf (2018) yang menyatakan kepimpinan dan keterampilan guru serta murid dapat diperkembangkan melalui kaedah pembelajaran berasaskan projek. Namun begitu, kaedah pembelajaran berasaskan projek kurang diterapkan berbanding kaedah penerapan elemen merentas kurikulum amalan pengajaran yang lain. Perkara ini berkemungkinan boleh berlaku atas faktor kekangan masa, kekangan tempat dan komitmen daripada guru mahupun murid serta kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan projek yang dirancang (Hasliza Hashim, Siti Munira Mohd Nasri & Zarina Mustafa 2016; Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi 2013). Oleh itu, Guru Pendidikan Islam seharusnya cuba keluar daripada zon selesa sahaja dalam memastikan keperluan pembelajaran murid dapat dipenuhi melalui peningkatan nilai dalam amalan pengajaran.

### **Nilai Profesionalisme Daripada Aspek Penerapan EMK Dalam Amalan Pengajaran**

Seiring dengan tempoh perkhidmatan dan pengalaman mengajar, Guru Pendidikan Islam perlu memastikan nilai profesionalisme meliputi aspek individu, rakan sejawat, pelanggan dan perkhidmatan perlu dimantapkan dari masa ke masa (Ratna Kasni Yuniendel 2018; Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman 2009). Nilai profesionalisme daripada aspek penerapan EMK memerlukan Guru Pendidikan Islam menguasai pelbagai

kemahiran termasuklah penguasaan ilmu teknologi maklumat yang menjadi gaya hidup kini serta penglibatan diri dalam usaha membangunkan budaya inovasi dalam bidang Pendidikan Islam (Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri, 2015). Perkara ini berkait rapat dengan kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari dan Norazimah Zakaria (2020) mendapati bahawa kesediaan guru untuk melaksanakan pembelajaran abad ke-21 adalah tinggi daripada segi kandungan dan pedagogi serta penyertaan kursus dan bengkel kemahiran PAK-21. Guru Pendidikan Islam sewajarnya memanfaatkan ilmu pengetahuan dan kepakaran melalui bergiat aktif dalam pembangunan bidang inovasi sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat yang lebih tinggi.

Hubungan antara pengetahuan EMK dan kualiti nilai profesionalisme melalui amalan pengajaran yang menerapkan EMK haruslah bergerak seiring dalam proses refleksi, pelaksanaan dan penilaian. Guru yang berpengetahuan dan menguasai kemahiran dengan baik mampu menampilkan amalan pengajaran yang bernas dan bijak dalam mengintegrasikan maklumat, bahan, sumber rujukan, aktiviti dan kaedah pengajaran mahupun penilaian. Kecemerlangan guru menjadi teras dalam amalan pengajaran yang berkualiti dalam melaksanakan PdP yang berkesan (Kamarul Azmi Jasmi 2010; Rafizah Mohamed Salleh 2011). Amalan pengajaran yang menerapkan EMK secara tidak langsung menggalakkan guru belajar dan menguasai pelbagai kemahiran yang bukan dalam bidang kemahiran guru itu sahaja. Keperluan penguasaan pelbagai kemahiran perlu dipenuhi dan memberi impak positif kepada amalan kualiti individu Guru Pendidikan Islam seperti peningkatan nilai kreativiti dan penguasaan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) (Naquiah Nahar & Jimain Safar 2016; Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali 2019; Razila Kasmin et al., 2019).

Justeru, kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan pengetahuan EMK dapat memantapkan nilai profesionalisme Guru Pendidikan Islam melalui peningkatan kualiti amalan pengajaran, ilmu sendiri sehinggalah kemahiran-kemahiran yang diperakui oleh masyarakat (Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar & Norshahrul Marzuki Mohd Nor, 2016) . Keperluan nilai profesionalisme daripada aspek penerapan EMK adalah menjadi dasar dan garis panduan dalam menetapkan kualiti hasil kerja dari masa ke masa. Pendapat ini disokong oleh Rahma Fitria Purwaningsih dan Atika Muliandari (2021) yang menyatakan Guru Pendidikan Islam perlu fleksibel dalam meningkatkan kualiti amalan pengajaran melalui kesediaan penambahan ilmu pengetahuan serta kualiti hasil pengajaran dan pembelajaran terhadap murid.

## **KESIMPULAN**

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) telah diwujudkan atas dasar usaha pemeraksanaan PAK-21 dalam sistem pendidikan. Konsep kesepaduan yang menjadi dasar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah telah membuka pelbagai cabang ilmu dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Di samping itu, Pendidikan Islam perlu bergerak seiring dengan peningkatan subjek-subjek teras yang lain di sekolah daripada segi nilai kreativiti, inovasi dan kemahiran berfikir. Guru Pendidikan Islam berperanan untuk menjayakan misi ini. Oleh itu, penerapan EMK adalah penting bagi murid-murid untuk terus berminat belajar Pendidikan Islam kerana sesuai dengan gaya pembelajaran era globalisasi

kini. Amalan pengajaran yang asas semestinya tidak boleh diketepikan seperti talaqqi musyafahah dan penerangan yang berpusatkan guru, tetapi perubahan zaman menuntut para Guru Pendidikan Islam untuk meraikan kepelbagaian kaedah dan teknik yang bersesuaian yang telah terbukti keberkesannya dalam menyampaikan ilmu Pendidikan Islam dengan efektif dan dinamik. Seterusnya, matlamat kajian ini dijalankan agar menjadi rujukan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam mengenal pasti tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam berkenaan EMK dan keperluan persediaan kursus atau fokus latihan profesionalisme bagi membantu GPI memperkasakan kemahiran kesepaduan dalam pengajaran dan pembelajaran. Akhir sekali, para Guru Pendidikan Islam perlu terus memantapkan nilai profesionalisme dan pengetahuan berkaitan dengan EMK agar menjadi lebih terkehadapan berbanding anak-anak murid supaya dapat membimbing dengan lebih berkesan.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah & Masribanun Duki. 2007. Penilaian Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kepimpinan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki* 17(1): 33-50.
- Abd Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. 2016. Pengintegrasian Pendidikan Islam dengan Pendidikan Alam Sekitar di Sekolah: Analisis Terhadap Adaptasi Pendekatan Integrasi Kurikulum Holistik. *Jurnal Usuluddin* 44(1): 117-140.
- Abd. Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. 2016. Dimensi Penilaian Dalam Pendidikan Alam Sekitar Merentas Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)* 1(Special Issue): 21-30.
- Abdul Hakim Abdullah. 2020. Pendidikan Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0. *Tamaddun* XX1(1): 127-134.
- Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri, & A'dawiyah Ismail. 2012. Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam. *Jurnal IPG Kampus Pendidikan Islam*. 1-22.
- Abdul Munir Ismail. 2018. Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif* 10(2):11 21.
- Ahmad Munawar Ismail dan Kamal Radiman. 2015. Aplikasi dan Pelaksanaan Integrasi Ilmu Dalam Pendidikan Islam: Pengalaman Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(2): 51-59.
- Amabile. 1989. *Growing Up Creative: Nurturing a Lifetime of Creativity*. New York: The Creative Education Foundation.
- Ananda K.P. 2007. *SPSS Untuk Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Scholarpress.
- Ang Kean Hua. 2016. Pengenalan Rangka kerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian. *Literatur Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 1(2): 17-24.
- Apak, J. & Taat, M. S. 2018. Hubungan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 3(3): 64 – 79.

- Barber & Mourshed. 2007. *How The World's Best-Performing School Systems Come Out On Top*. New York: McKinsey & Company.
- Bartscher, Gould & Nutter, S. 1995. Increasing Student Motivation Through Project-based Learning. Master's Research Project. Saint Xavier And IRI Skylight.
- Center for Research and Development Academic Achievement (CRIRES). 2005. Data taken from International Observatory on Academic Achievement. Retrieved from [http://www.crires-oirs.ulaval.ca/sgc/lang/en\\_CA/pid/5493](http://www.crires-oirs.ulaval.ca/sgc/lang/en_CA/pid/5493).
- Chanifudin, Tuti Nuriyati. 2020. Integrasi Sains Dan Islam Dalam Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Asatiza* 1(2): 212-229.
- Chen, Y. L., & Seedhouse, P. 2010. Classroom interaction in story based lessons with young learners. *Asian EFL Journal* 12(2): 291-293.
- Chiew C.M., Dali, M.H. & Lim C. S. 2016. Issues Relating To The Implementation Of Lesson Study In The Malaysian Education Context. *Journal of Research & Method in Education* 6(3): 77-85.
- Chua Yan Piaw. 2010. Building A Test To Assess Creative And Critical Thinking Simultaneously. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 2(2): 551-559.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah dan Statistik penyelidikan-Ujian Univariat dan Multivariat (Buku 4)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Coffield, F., Moseley, D., Hall, E., dan Ecclestone, K. 2004. *Learning Styles and Pedagogy in Post-16 Learning: A Systematic and Criticle Review (1st ed.)*. Trowbridge: Learning and Skills Research Centre.
- Creswell, J. W. 2005. *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. 2014. *Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc. Fraw-Hill Inc.
- Fraenkel, JR & Wallen NE. 2007. *How to Design and Evaluate Research in Education (6th)*. Singapore: McGraw Hill.
- Ghazali Zainuddin, Noor Azli Mohamed Masrop, Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Muhammad Sabrir Shahrir. 2018. Penerapan Elemen Merentas Kurikulum (Emk) Dalam Buku Teks Bahasa Arab Sekolah Rendah Tahun Enam. *5<sup>th</sup> International Research Management & Innovation Conference (5<sup>th</sup> IRMIC 2018)*, hal. 1-10.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, Norshahrul Marzuki Mohd Nor. 2016. Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Aspek Pengajaran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 3(3): 85 – 109.
- Hasliza Hashim, Siti Munira Mohd Nasri and Zarina Mustafa. 2016. Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Pelaksanaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog Di Bilik Darjah (Teachers' Challenges In The Implementation Of Frog Virtual Learning Environment In The Classrooms). *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 31: 115–129.

- Ibrahim Nazem Ghadi, Kamariah Abu Bakar, Nor Hayati Alwi & Othman Talib. 2013. Measuring Critical Thinking Skills Of Undergraduate Students In Universiti Putra Malaysia. *International Journal Of Asian Social Science* 3(6):1458-1466.
- Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 2020. Statistik. <https://jpwpl.moe.gov.my/tu-statistik> [14 November 2021].
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. 2018. Pengaruh Kesiapan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH) 3(4): 6-22.
- John Hattie. 2003. *Teachers Make a Difference, What is the research evidence?*. University of Auckland : Australian Council for Educational Research.
- Kamarudin Haji Hussin. 1990. *Pedagogi 2*. Longman Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. & Ab Halim Tamuri. 2015. *Membudayakan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam yang Cemerlang in Pemerkasaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman*. Bangi, Selangor: Persatuan Intelek Muslim Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pembangunan Kurikulum). 2016. *Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB)*. Putrajaya : Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pembangunan Kurikulum). 2011. *Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB)*. Putrajaya : Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pendidikan Guru). 2010. *Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB)*. Putrajaya : Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia C. 2017. *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Semakan 2017*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia D. 2010. *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Kebangsaan*. Putrajaya : Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia A. 2017. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia B. 2012. *Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lovorn, M. 2017. Thinking Historically, Acting Locally: Training Teachers In Historiographical Analysis Of Local Monuments. *Proceedings of the Multidisciplinary Academic Conference*, pp. 204-212.
- M Kaviza. 2018. Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 4(1): 40-47.
- Maimun Aqsha Lubis , Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. 2017. Tahap Pengetahuan Dan Kesiapan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam.

- ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 1-13.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. 2017. Tahap Pengetahuan Dan Kesiediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 1-13.
- Maria Anita Titu. 2015. Penerapan Model Pembelajaran Project Based Learning (PjBL) Untuk Meningkatkan Kreativitas Siswa Pada Materi Konsep Masalah Ekonomi. *Prosiding Seminar Nasional*, hlm. 176-186.
- Mazarul Hasan, Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. 2020. Kesiediaan Guru Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal Of Education And Pedagogy (IJEAP)* 2(2): 9-17.
- Maziahtusima Ishak, Mohd Mursyid Arshad, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ismi Ariff Ismail, Hayati Ismail, Sakinah Ahmad, Siti Rosilawati Ramlan, Hazlina Abdullah, Noor Saazai Mat Saad & Sarifah Nurhanum Syed Sahuri. 2021. Tinjauan Tahap Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani Melalui Kaedah Pendidikan Islam Tidak. *Sains Insani* 6(1): 25-34.
- Md Fadzil Masri & Zamri Mahamod. 2020. Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengolah Isi Karangan Murid-Murid Sekolah Rendah. *Journal Of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)* 6(1): 189-203.
- Mohamad Khairi Haji Othman. 2014. Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication* 3(Special Issue): 81-92.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan Sekolah Dan Guru Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM - SEA Journal of General Studies* 117-130.
- Mohammad Azri Amatan & Crispina Gregory K Han. 2020. Perbezaan Faktor Demografi dalam Efikasi Kendiri Guru dan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal* 18(1): 17-36.
- Mohammad Syukor Mohammad Ghulam, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2019. Keperluan Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(1): 1-8.
- Mohd Aderi Che Noh & Sri Andayani Mahdi Yusuf. 2018. Collaborative Learning Technique within Higher Learning Education Students. *Creative Education* 9: 2367-2375.
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa. 2020. Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia Levels of Primary School's Teacher Professionalism In Penisular Malaysia. *Management Research Journal* 9(2): 37-45.
- Mohd Aliff Mohd Nawawi, Mohd Isa Hamzah, Zanizam Zaidi, Suriana Akmal Ab Sattai & Asdiri Khalili. 2011. Impak Globalisasi terhadap Pendidikan Islam Masa Kini. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor*, hal. 645-649.

- Mohd Azhar Abd Hamid. 2004. *Kreativiti Konsep Teori & Praktis*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Faez Ilias, Muhammad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2013. Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari in 3rd. *International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013] at EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia on 6 - 7 April 2013*, hal. 943- 953.
- Mohd Fikruddin Mat Zin, Siti Hajar Mohamad Yusoff, Najihah Abd Wahid & Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. 2021. Pendekatan Gamifikasi Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)* 1(2): 69-76.
- Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab Halim Tamuri & Rohizan Ya. 2012. Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]. 8-9 March 2012, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru*, hal. 289-303.
- Mohd Nasrudin Basar. 2004. Pelaksanaan Kurikulum Pengajian Melayu Diploma Perguruan Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Nasrudin Bin Basar. 2004. Pelaksanaan Kurikulum Pengajian Melayu Diploma Perguruan Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Yusoff Dagang. 2016. Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Negeri Johor. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd. Nahi Abdullah. 2018. Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran Berkesan Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Islamic Civilization.
- Muhamad Suhaimi Taat & Mohd Yusof Abdullah. 2011. Faktor gaya pertautan dan motivasi pelajar, serta proses pengajaran dan bimbingan guru pendidikan Islam terhadap pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammad Kristiawan & Nur Rahmat. 2018. Peningkatan Profesionalisme Guru Melalui Inovasi Pembelajaran. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan* 3(2): 373-390.
- Mumtazul Fikri. 2011. Konsep Pendidikan Islam; Pendekatan Metode Pengajaran. *Jurnal Ilmiah Islam Futura* 11(1): 116-128.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. 2016. Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(2): 70-85.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2005. Pengajaran Gaya Bahasa Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 16: 37-54.
- Nitce Isa Medina Machmudi Isa & Mai Shihah Hj Abdullah. 2013. Pembelajaran berasaskan projek: takrifan, teori dan perbandingannya dengan pembelajaran berasaskan masalah. *CREAM - Current Research in Malaysia* 2(1): 181-194.



- Noor Aini Ahmad. 2014. Mengintegrasikan Teknologi Komunikasi dan Maklumat sebagai Media Pengajaran Bahasa dalam Kalangan Kanak-kanak Awal Umur. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM* 4(2): 36-43.
- Nor Izzati Mohd Nor. 2019. Kaedah Berasaskan Projek Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan* 2: 26-40.
- Nor Saidah Shuib & Mohd Aderi Che Noh. 2015. Aplikasi I-Think Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah. 2014. Kepelbagaian Elemen Budaya Dalam Pengajaran Pendidikan Islam: Isu Dan Kepentingan. *The Online Journal Of Islamic Education Special Issue Of ICIED*: 1-11.
- Noraziah Mohd Yusop & Latipah Sidek. 2010. Pendidikan Alam Sekitar Dalam Pendidikan Islam: Peranan Guru. *Proceedings Of The 4<sup>th</sup> International Conference On Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*, hal. 839-851.
- Noraziah Mohd Yusop, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak. 2018. Kepelbagaian kecerdasan pelajar dalam PdPc Sirah: Keperluan pengajaran efektif. *The 5<sup>th</sup> International Conference on Research in Islamic Education & Arabic Language 2018. Association of Malaysian Muslim Intellectuals, Brunei*, hal. 665–675.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. Research Insitute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE)*, hal. 87-95.
- Norhisham Muhamad & Azmil Hashim. 2019. Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK Di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(3): 273-283.
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang. 2019. Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4(2): 30-42.
- Norzaharah Yahya. 2011. Keberkesanan Teknik Scaffolding Secara Berkumpulan Terhadap Pendidikan Sirah. Disertasi Sarjana. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli. 2021. Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4(1): 40- 54.
- Osman, Z., Sarudin, A., Janan, D., & Omar, A. 2019. The Teaching of Malay Essay Writing based on an Authentic Approach. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences* 9(1): 1396–1408.
- Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid & Ahmad Tamizi Abu. 2017. Kesan Kaedah Bercerita Terhadap Motivasi Dan Pencapaian Murid Tahun 4 Dalam Bidang Akidah. *The Online Journal Of Islamic Education* 5(1): 39-52.
- Rafizah Mohamed Salleh. 2011. Model Guru Contoh Pendidikan Islam. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Rahma Fitria Purwaningsih, & Muliyardari, A. 2021. Profesionalisme Guru dalam Perspektif Islam: Profesionalisme Guru dalam Perspektif Islam. *Ngaji: Jurnal Pendidikan Islam* 1(1): 61–71.
- Ramli Nik Man. 2013. Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia: Cabaran Dan Masa Depan. *MPI Bangi: 23 Mei 2013 (Simposium Guru Pendidikan Islam, Malaysia) Yadim Putrajaya 28 Januari 2019 ( Kolokium Ngo Pendidikan Islam) International Hotel Kuala Lumpur 13 Julai 2019 ( Ijtima' Ulama Ummah)*.
- Ratna Kasni Yuniendel. 2018. Kontribusi Soft Skill dan Hard Skill dalam Meningkatkan Profesionalisme Guru Pendidikan Agama Islam di Sekolah dan Madrasah. *Murabby Jurnal Pendidikan Islam* 1(1): 48-59.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan , Noraizan Mohsin , Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. 2019. Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *JoMOR* 1(4):1-23.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad. 2017. Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Integrated Model of Infusing 21<sup>st</sup> Century Skills in Teaching and Learning. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1):1-11.
- Roscoe, J.T. 1975. *Fundamentals Research Statistics for Behavioural Sciences*. (2<sup>nd</sup> ). Dlm Hill, R. 1998. “What Sample Size is ‘Enough’ in Internet Survey Research”?. *Interpersonal Computing and Technology: An electronic Journal for the 21<sup>st</sup> Century*.
- Saharia Hj. Ismail. 2015. Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development* 8(2): 83-100.
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zainal Abidin & Suziana Hanini Sulaiman. 2018. Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *International Conference On Moslem Society 2016 At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).Bangi*, hal. 1-13.
- Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 2020. Program Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam <https://www.facebook.com/SektorPendidikanIslamKL>
- Siti Khadijah Mohd Kamal & Mohd. Isa Hamzah. 2021. Penerapan Elemen Nilai Murni Dan Etika Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education* 1(4): 16-31.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. 2016. Delivering Islamic Education Through Islamic Morality In Several Malaysian Schools. *Social Sciences & Humanities Journal* 24(4): 1267-1277.
- Stenberg, R.J. 2006. The Nature of Creativity. *Creativity Research Journal* 18(1): 87-98.
- Syahraini Tambak. 2016. Metode Bercerita dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Al-Thariqah* 1(1): 1-27.
- Syed Najmuddin Syed hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman, & Mohd Sabri Mamat. 2009. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2): 31-50.

- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. 2014. Active Teaching Methods: Personal Experience of Integrating Spiritual and Moral Values, Religious Education. *The Official Journal of the Religious Education Association* 109(5): 554-570.
- Thulasimani Munohsamy. 2014. Integrasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan. *Journal IPA* 1-17.
- Trotter, R. 1986. The mystery of mastery. *Psychology Today* 20(7): 32-38.
- Tschannen Moran, M. & Gareis, C.R. 2004. Principals' sense of efficacy (Assessing a promising construct). *Journal of Educational administration* 42(5): 573-585.
- Ummu Salma Mohiddin Fariza Khalid. 2014. Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Rendah dalam Penggunaan VLE-Frog untuk Pengajaran & Pembelajaran. *Conference: The 4th International Conference on Learner Diversity (ICELD 2014) At: ESSET KWSP Kajang*, hal 780-788.
- Wardyawaty Rajikal. 2020. Kajian Sistematis Pengajaran Abad Ke-21 (Pak21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4(2): 103-113.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. 2018. Aplikasi 'Konsep 4c' Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)* 1(1): 45-65.
- Zakaria Abdullah. 2012. Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Pendekatan Berpusatkan Pelajar Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.